

0040

U B329 AAB
PERUTUSAN - MAHATHIR
(**EMBARGO**: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL '7 MALAMINI.)

KUALA LUMPUR, 31 DIS (BERNAMA) -- PEROANA MENTERI, DATUK SERI OR MAHATHIR MOHAMMED MENGAJAK SELURUH RAKYAT MALAYSIA MENJADIKAN TAHUN 1988 SEBAGAI TAHUN YANG LEBIH BAIK DAN LEBIH BAHAGIA DENGAN MENGURANGKAN PERBUATAN YANG HANYA MERUGIKAN SAHAJA.

PADA MASA YANG SAMA, PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN AKAN TERUS MENGAWASIPERBELANJAANBAGI MENGELAKKAN PEMBAZIRAN, MENGURANGKAN KAOAR PENGANGGURAN DANLEBIH TEGAS DALAM MENENTUKAN KEAMANAN DALAM NEGARA TERJAMIN.

+KITA HARUS MEMBUAT RESOLUSI TAHUN BARU UNTUK TIDAK SENCAJA MENYAKITKAN HATI KAUM-KAUM YANG ADA DI NEGARA INI. PERKARA-PERKARA YANG KECIL TIDAK HARUS DIPERBESAR-BESARKAN, DITIUP HINGGA MENYALA, + KATANYA DALAM PERUTUSAN TAHUN BARU YANG DISIARKAN QLEH RTM MALAM INI.

KATANYA, PERKARA YANG DIANGGAP BESAR HARUS OISELESAIKAN SECARA RUNDINGAN TERTUTUP DAN MEDIA MASSA BUKANLAH TEMPAT UNTUK BERHUJAH BAGS MENYELESAIKAN MASALAH.

RAKYAT MALAYSIA, TERMASUK PENUNTUT DI LUAR NEGERI SAMA ADA YANG ISLAM ATAU TIDAK, TIDAK HARUS MEMBURUKKAN IMEJ NEGARA SENDIRI DI KALANGAN ORANG ASING DENGAN MEMPERKATAKAN YANG TIDAK BENAR DAN MEMBURUKKAN NAMA NEGARA, KATA BELIAU. -- LAGI.

1635MST 31 12 87

0647

U B330 AAB
PERUTUSAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+MEREKA HARUS INGAT BAHAWA PERBUATAN ITU AKAN MENGURANGKAN PELABURAN ASING DI NEGARA INI. DENGAN INI, PELUANG PEKERJAAN AKAN BERKURANGAN DAN MEREKA JUGA YANG AKAN MENJADI MANGSA, +KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KEPADA PARAPENGANGGUR, PERDANA MENTERI MEMINTA MEREKA MEMBUAT RESOLUSI UNTUK SANGGUP BEKERJA DAN TIDAK TERLALU MEMILIH KERJA.

+JIKATIDAK, KENAPAKAH ORANG ASING SANGGUP BERSUSAHPAYAH DATANG KE SINI? JIKA TIDAK, KENAPAKAH LAUT KITADICEROBOHI?, + TANYA BELIAU SAMBIL MERUJUK KEPADA PELUANG-PELUANG PEKERJAAN YANG MASIH TERDAPAT. DI NEGARA INI.

KEPADAPARA PEKERJA PULA, BELIAU MENASIHATI MEREKA SUPAYA MENGUTAMAKAN PRODUKTIVITI MEMANDANGKAN MALAYSIA MEMPUNYAI PRESTASI PRODUKTIVITI TERENOAH SEKALIDI ANTARA NEGARA SEOANG MEMBANGUNDI ASIA TENGGARA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN KEPADA PERSAINGAN YANG TERPAKSA DIHADAPI PADA ZAMAN INI SERTA MUTU DAN HARGA BARANGAN YANG BOLEH MENENTUKAN KEJAYAAN ATAU KEJATUHAN SESUATU INDUSTRI YANG SEKALIGUS MEMEAWA KEPADA KESAN LAIN. -- LAGI.

1637MST 31 12 07

D649

U B332 AAB

PERUTUSAN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI GAJI, BELIAU BERKATA, YANG AKAN MENENTUKAN TINGGI ATAU RENDAHNYA GAJI BUKANLAH TUNTUTAN ATAU UGUTAN MELAINKAN KEUPAYAAN PIHAK YANG MEMBAYAR GAJI.

DAN KEUPAYAAN ITU, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR, BERGANTUNG KEPADA LARISNYA PENJUALAN KERANA PRODUKTIVITI YANG TINGGI BERSAMAAN DENGAN MUTU YANG BAIK.

+OLEH ITU PEKERJA YANG INSAF MESTILAH BERAZAM UNTUK MENINGKATKAN LAGIDAYA PENGELUARAN PADA TAHUN 1988,+ KATANYA LAGS SAMBIL MENCGESA PARAPENGURUS MENINGKATKAN LAGS KECEKAPANMasing-masing MEMANDANGKAN ADA TANDA-TANDA PRESTASI PENGURUSAN DI MALAYSIA ADALAH RENDAH.

BELIAU JUGA MAHU SPEKULASI YANG KETERLALUAN DIKURANGKAN JIKA PUN TIDAK DAPAT DIHENTIKANSAMA SEKALI KERANA, KATANYA, MASALAH KEWANGAN YANG DIHADAPI OLEH RAMAI PENIAGA NECARA INI ADALAH AKIBAT TERLALU BANYAK MEMBUAT SPEKULASI TERUTAMA DALAM PASARAN SAHAM.

+PASARAN SAHAM BERTUJUAN MEMBERI TEMPAT UNTUK MENGUMPULKAN MODAL DARIPADA ORANG AWAM BAGI MEMULA ATAU MEMBESARKAN PERNIAGAAN. PERBUATAN MENAIK DAN MENURUNKAN HARGA SAHAM TANPA MENGAMBIL KIRA PRESTASI SYARIKAT LAMBAT-LAUN AKAN MEMBAWA BENCANA,+ -- LAGI.

1642MST 31 12 87

D650

U 8333 AAB

PERUTUSAN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+OLEH YANG DEMIKIAN, ELOKLAH JXKA MEREKA YANG SUKA MEMBUAT SPEKULASI DIPASARAN SAHAM MENGURANGKAN KEGIATAN MEREKA DAN MEMBUAT RESOLUSI MENGGUNAKAN TENAGA, MASA DAN FIKIRAN MEREKA BAGI MENGURUSKAN PERNIAGAAN YANG SEBENAR,+ KATANYA LAGI.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENYENTUH PEJ BAGAI PERISTIWA YANG BERLAKU SEPANJANG TAHUN INI YANG DISIFATKAN SEBAGAI +MENEKAN DAN MENCABAR.+

INI TERMASUK KEMELESETAN EKONOMI DUNIA YANG TURUT MENJEJASKAN INDUSTRI BIJIH TIMAH DENGAN PARAH, KEJATUHAN PASARAN SAHAM DUNIA AKIEAT PERBUATAN SPEKULASI BERLEBIHAN, KETEGANGAN ANTARA KAUM DAN KEGLATAN MEMBURUK-BURUKKAN IMEJ MALAYSIA DI LUAR NEGERI. -- BERNAHA.

1643MST 31 12 87